

PM: Menang atau kalah hanya dengan Berjaya

Pusat tidak terima partai pembangkang

1 BH 3 APR 1999

KOTA KINABALU, Khamis — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan tegas menolak dakwaan bahawa Kerajaan Pusat akan bekerjasama dengan lain-lain parti di Sabah, selain Berjaya.

"Menang atau kalah, kita hanya akan bekerjasama dengan Berjaya," kata Perdana Menteri ketika berucap di perjumpaan muhibah dengan rakyat di Kampung Pinping, Membakut, kira-kira 70 kilometer dari sini, hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir, yang melawat sehari ke Sabah menegaskan, Kerajaan Pusat sudah biasa dengan Berjaya dan tahu kejujuran parti itu.

Ini berbeza dengan Usno. Ketika parti itu dalam Barisan Nasional, mereka membuat pelbagai tindakan dan 'menikam dari belakang', serta menuduh kerajaan yang bukan-bukan, katanya.

Oleh itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan Barisan Nasional tidak menerima Usno kerana mereka tidak bertanggungjawab terhadap rakyat.

Datuk Seri Dr Mahathir menol-

ak dakwaan bahawa Umno, sebagai sebuah parti terbesar di semenanjung, merestui pihak-pihak tertentu di Sabah untuk menentang Berjaya.

Beliau menjelaskan, dakwaan itu tidak benar sama sekali. Sebaliknya, Umno mahu Berjaya terus memerintah di Sabah.

Perdana Menteri juga dengan tegas menafikan dakwaan bahawa beliau berbaik-baik dengan kerajaan Berjaya kerana mendapat harta di Sabah.

Berani

"Ada orang kata saya ada harta di Sabah. Cakap berterus terang, jangan berbisik-bisik di kampung-kampung. Berani kerana benar. Orang yang tidak benar sahaja berbisik-bisik," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir, mencajar mereka supaya membuat kenyataan terbuka mengenai dakwaan mereka itu.

Katanya, jika ada bukti, buatlah dakwaan dan lihat pula apa dakwaan yang boleh dibuat ke atas mereka.

Beliau memuji langkah yang dijalankan oleh kerajaan Berjaya dalam mengamalkan sistem demokrasi di Sabah.

Katanya, adalah tidak benar ke-

rajaan Berjaya tidak mengamalkan demokrasi dan berlaku tidak adil kepada rakyat.

"Sebenarnya kerajaan Berjaya sangat bermurah hati. Seramai 220 calon akan bertanding dalam pilihanraya Dewan Undangan Negeri pada 20 dan 21 April ini. Jika ditolak 48 calon Berjaya, 172 lagi adalah yang menentang Berjaya," katanya. Ini menunjukkan kebebasan diberikan kepada sesiapa sahaja.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, Berjaya tidak takut dengan mereka, bahkan sanggup beri peluang bertanding dan memilih kerajaan yang mereka sukai.

"Apa yang perlu diingat, mereka pernah diperintah oleh kerajaan Usno yang tidak bertanggungjawab dahulu. Sebaliknya, kerajaan Berjaya tidak mementingkan diri sendiri," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, ketika Usno memerintah, rakyat tidak mendapat kebebasan yang cukup, malahan mereka memerintah secara tidak adil.

"Dalam sesuatu pilihanraya ketika Usno memerintah, ada calon-calon yang tidak dapat bertanding. Ada yang tidak sampai ke pusat penamaan calon untuk mengemukakan borang pencalonan mereka," tambahnya.

Perdana Menteri kesal kerana soal agama juga dijadikan isu terhadap kerajaan Berjaya dan ada juga perbuatan mengkafirkan orang Islam.

Menurutnya, dahulu ada tohmahan bahawa Berjaya anti Islam dan jika Berjaya memerintah, pelbagai tindakan akan dilakukannya.

Tetapi, sekarang ternyata bahawa orang-orang bukan Islam mengakui apa yang dilakukan oleh kerajaan Berjaya adalah 'terlalu' Islam.

Ini menunjukkan Berjaya mengutamakan Islam, tetapi tidak menindas kaum atau agama lain, katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, soal agama ini ditimbulkan ialah kerana pihak-pihak tertentu itu tahu, apabila rakyat marah mereka mudah mengambil tindakan.